

## Cameron Highlands tertinggi sertai PICKids di Pahang

Asrol Awang  
am@hmetro.com.my



FOTO ARKIB NSTP

Kuantan: Seramai 40,150 kanak-kanak di Pahang sudah mendapatkan suntikan vaksin Covid-19 menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-kanak (PICKids) setakat ini.

Pengarah Jabatan Kesihatan Pahang, Datuk Dr Nor Azimi Yunus berkata, jumlah itu merangkumi 20.8 peratus daripada 192,600 kanak-kanak lima hingga 11 tahun yang disasarkan menerima vaksin.

#### ADVERTISEMENT

Katanya, Cameron Highlands merekodkan pencapaian tertinggi iaitu 38.2 peratus berbanding daerah lain yang mencatat antara 27.2 peratus dan 21.1 peratus.

"Ketika ini, enam Pusat Pemberian Vaksin (PPV) dibuka secara jumpa terus iaitu Dewan Eng Choon dan UNIKlinik Indera Mahkota Dua, di sini serta Dewan Jubli Perak, Raub.

"PPV lain pula ialah di Dewan Kuala Rompin, Rompin; Dewan Tun Razak dan Pusat Latihan Kesihatan Mentakab di Temerloh," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Nor Azimi berkata, berdasarkan laporan, PICKids Pahang bermula pada 7 Februari lalu dengan menyasarkan 192,600 kanak-kanak.

Katanya, sebanyak 133 PPV yang beroperasi dengan kapasiti keseluruhan sebanyak 5,075 dos sehari.

"PPV itu membabitkan 46 PPV kluster sekolah, 67 PPV Klinik Kesihatan, satu PPV awam dan lapan PPV 'offsite' dan 18 pasukan 'outreach' sekolah.

"Oleh itu, JKN Pahang mengharapkan lebih ramai kanak-kanak akan mendapatkan suntikan vaksin," katanya.

**Disiarkan pada: Mac 5, 2022 @ 4:33pm**